

<b>Publication</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Bisnes / Pg. B2</b>
<b>Date</b>	<b>Mon,17th Oct 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>Yes</b>
<b>Headline</b>	<b>TERAJU Tumpu 3 Kumpulan Pembiayaan</b>		

# TERAJU tumpu 3 kumpulan pembiayaan

➔ RM1.5 bilion diluluskan bagi membiayai sebahagian daripada 443 projek strategik

Oleh **Amin Ridzuan Ishak**  
aminridzuan@bh.com.my

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) akan memfokuskan kepada tiga kumpulan utama bagi pembiayaan program Dana Mudahcara bermula tahun depan.

Pengarah Kanan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan TERAJU, Megat Mohd Yatim Megat Hamid, berkata tiga kumpulan fokus berkenaan adalah syarikat Bumiputera menjalankan perniagaan berorientasikan eksport, sektor strategik dan usahawan mikro.

Katanya, sehingga Ogos lalu pihaknya meluluskan sebanyak RM1.5 bilion daripada RM2 bilion

menerusi dana berkenaan bagi membiayai sebahagian daripada 443 projek strategik di seluruh negara yang mewujudkan 41,601 peluang pekerjaan untuk rakyat negara ini.

"Bermula tahun depan, kami menyasar untuk memfokuskan pembahagian dana yang masih tinggal iaitu berjumlah RM500 juta kepada perniagaan yang ingin berkembang ke luar negara, sektor strategik yang mana pembabit syarikat Bumiputera masih dianggap kurang, selain kumpulan usahawan mikro.

"Untuk pembiayaan kepada usahawan mikro, kami akan menjalin hubungan kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Tabung Ekonomi Kum-

pulan Usaha Niaga (Tekun) dan badan-badan di bawah kerajaan negeri bagi mengenal pasti mereka yang layak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Fasiliti Gudang Pemasangan Tempatan (CKD) Mercedes-Benz dimiliki Nilai Mahir (M) Sdn Bhd (NMSB) di Taman Automotif Pekan di Pekan, kelmarin.

Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Menteri Kewangan dan Ahli Parlimen Pekan.

**Dana TERAJU RM4.76 juta**

Gudang bernilai RM32 juta itu diuruskan NMSB yang juga anak syarikat Kumpulan Hamodal Sdn Bhd dan ia mendapat bantuan menerusi Dana Mudahcara TERAJU

berjumlah RM4.76 juta.

Kemudahan gudang seluas 185,000 kaki persegi itu dibangunkan bertujuan untuk simpanan komponen dan bahagian-bahagian kereta.

Mengulas lanjut, Megat Mohd Yatim berkata, untuk di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) pihaknya sudah meluluskan geran berjumlah RM221 juta sejak 2011 yang membabitkan 91 projek yang termasuk dalam sektor Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang berimpak tinggi.

"Geran berkenaan bukan sahaja membantu meningkatkan kemajuan syarikat untuk menceburi potensi lebih besar tetapi juga mewujudkan persekitaran ekonomi positif kepada penduduk tempatan," katanya.